

KUTKM tumpu pencapaian R&D

Archival News | Utusan Malaysia | 28/01/2006

KELUARAN KHAS KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) kini berusia lima tahun namun bagi Rektor KUTKM Datuk Profesor Ismail Hassan, universiti itu kini di atas landasan yang terbaik untuk meneruskan langkah ke hadapan.

KUTKM telah pun mempunyai pelan strategik untuk tempoh tahun 2004 - 2015 dan akan membina kekuatan di atas pelbagai kemajuan yang telah dicapai di samping menempa kemajuan baru.

Selain pembangunan kampus, pembangunan sumber manusia, pembangunan akademik dan aktiviti akademik, sasaran penyelidikan dan pembangunan (R&D) menjadi keutamaan.

Katanya, KUTKM berusaha untuk meningkatkan perolehan geran penyelidikan jangka panjang dan juga meraih pengiktirafan di pameran peringkat antarabangsa, serta dapat meningkatkan research profile.

Perkara tersebut menjadi semakin penting dalam era globalisasi dan perlu untuk mencapai sasaran antara universiti terkemuka di dunia.

KUTKM merancang menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) dengan Sheffield University serta berusaha mengadakan MoU antara rangkaian kolej kolej universiti teknikal Malaysia dengan Australia Technology Network (ATN) dan juga Rajamangala Universities of Technology Thailand.

Universiti juga akan meluaskan pensijilan kepada skop pengajian pasca siswazah yang dijangka dapat dimulakan pada tahun ini.

Menurutnya, KUTKM perlu membuat kajian dan merancang bagaimana boleh menjalankan usaha untuk menentukan penarafan dan kedudukan Universiti akan berada pada tahap yang baik.

``Pembangunan KUTKM kini berada di peringkat penting memerlukan tumpuan fokus sepenuhnya dari setiap kakitangan,'' ujar beliau.

(Source : Utusan Malaysia)